

## PROSPEKTUS TAMBAHAN PERTAMA

### TradePlus MSCI Asia ex Japan REITs Tracker

(dana didagang pada bursa yang diwujudkan dan ditubuhkan di Malaysia pada 14 Februari 2020)

PROSPEKTUS TAMBAHAN PERTAMA INI BERTARIKH 3 JANUARI 2022 ("PROSPEKTUS TAMBAHAN PERTAMA") DAN  
HENDAKLAH DIBACA SEHUBUNGAN DENGAN PROSPEKTUS BERTARIKH 9 JULAI 2020

#### Pengurus



Affin Hwang Asset Management Berhad  
199701014290 (429786-T)

#### Pemegang Amanah



TMF Trustees Malaysia Berhad  
200301008392 (610812-W)

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia telah meluluskan penyenaian atau sebut harga unit-unit TradePlus MSCI Asia ex Japan REITs Tracker ("Dana") pada Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad dan satu salinan Prospektus Tambahan Pertama ini telah didaftarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

Kelulusan, dan pendaftaran Prospektus Tambahan Pertama ini, tidak boleh diambil sebagai menunjukkan bahawa Suruhanjaya Sekuriti Malaysia mengesyorkan Dana atau mengambil tanggungjawab bagi ketepatan mana-mana kenyataan yang dibuat, pendapat yang diberikan atau laporan yang terkandung dalam Prospektus bertarikh 9 Julai 2020 atau Prospektus Tambahan Pertama ini. Suruhanjaya Sekuriti Malaysia tidak, dalam apa-apa cara, menimbang merit-merit sekuriti yang ditawarkan untuk pelaburan.

Suruhanjaya Sekuriti Malaysia tidak akan bertanggungjawab bagi apa-apa ketidakdedahan di pihak syarikat pengurusan yang bertanggungjawab bagi Dana dan tidak akan bertanggungjawab bagi kandungan Prospektus Tambahan Pertama ini, tidak membuat representasi berhubung dengan ketepatan atau kecukupannya, dan secara nyata menafikan sebarang liabiliti bagi apa-apa kerugian yang anda mungkin alami timbul daripada atau dalam kebergantungan ke atas keseluruhan atau mana-mana bahagian kandungan Prospektus Tambahan Pertama ini.

Kemasukan ke Senarai Rasmi Bursa Malaysia Securities Berhad tidak boleh diambil sebagai petunjuk merit-merit penawaran, Dana atau Unit-unitnya.

**PELABUR-PELABUR ADALAH DINASIHATKAN UNTUK MEMBACA DAN MEMAHAMI KANDUNGAN PROSPEKTUS TAMBAHAN PERTAMA INI YANG PERLU DIBACA BERSAMA DENGAN PROSPEKTUS BERTARIKH 9 JULAI 2020. SEKIRANYA RAGU-RAGU, SILA MINTA NASIHAT PENASIHAT PROFESIONAL.**

**UNTUK MAKLUMAT BERHUBUNG DENGAN FAKTOR-FAKTOR RISIKO YANG HARUS DIPERTIMBANGKAN OLEH BAKAL-BAKAL PELABUR, LIHAT "FAKTOR-FAKTOR RISIKO" BERMULA PADA MUKA SURAT [6] PROSPEKTUS BERTARIKH 9 JULAI 2020 DAN MUKA SURAT [3] PROSPEKTUS TAMBAHAN PERTAMA INI.**

**INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN PERTAMA YANG PERLU DIBACA SEHUBUNGAN DENGAN PROSPEKTUS  
BERTARIKH 9 JULAI 2020**

**PENYATA TANGGUNGJAWAB**

Para pengarah Pengurus telah melihat dan meluluskan Prospektus Tambahan Pertama ini. Mereka secara kolektif dan individu menerima tanggungjawab penuh bagi ketepatan maklumat. Setelah membuat semua pertanyaan yang munasabah, dan setakat pengetahuan dan kepercayaan terbaik mereka, mereka mengesahkan bahawa tidak terdapat kenyataan palsu atau mengelirukan, fakta-fakta lain yang sekiranya tertinggal, akan menjadikan mana-mana kenyataan dalam Prospektus Tambahan Pertama ini palsu atau mengelirukan.

**PENYATA TAMBAHAN**

Pelabur-pelabur harus mengambil perhatian bahawa mereka mungkin boleh mendapatkan rekursa di bawah Akta Pasaran Modal dan Perkhidmatan 2007 bagi pelanggaran undang-undang dan peraturan sekuriti termasuk apa-apa kenyataan dalam Prospektus Tambahan Pertama ini yang adalah palsu, mengelirukan, atau daripada mana terdapat peninggalan material; atau bagi apa-apa tindakan yang mengelirukan atau mengabui berhubung dengan Prospektus Tambahan Pertama ini atau tindakan mana-mana orang lain berhubung dengan Dana.

Prospektus Tambahan Pertama ini juga boleh dilihat atau dimuat turun daripada laman web Bursa Malaysia Securities Berhad di [www.bursamalaysia.com](http://www.bursamalaysia.com).

Tiada tindakan telah diambil atau akan diambil untuk membenarkan penawaran Unit-unit atau pengedaran Prospektus Tambahan Pertama ini dalam mana-mana bidang kuasa selain daripada Malaysia dan dengan itu, Prospektus Tambahan Pertama ini tidak membentuk tawaran atau pelawaan dalam mana-mana bidang kuasa dalam mana tawaran atau pelawaan adalah menyalahi undang-undang atau di mana orang-orang yang membuat tawaran atau pelawaan sedemikian adalah tidak layak untuk berbuat demikian atau kepada mana-mana orang kepada siapa adalah menyalahi undang-undang untuk membuat tawaran atau pelawaan sedemikian. Pelabur-pelabur hendaklah meminta nasihat penasihat profesional untuk memastikan (a) akibat cukai yang berkemungkinan, (b) syarat-syarat undang-undang dan (c) apa-apa sekatan pertukaran asing atau syarat-syarat kawalan pertukaran yang mereka mungkin hadapi di bawah undang-undang negara kewarganegaraan, residen atau domisil mereka bagi pengambilalihan, pemegangan atau pelupusan Unit-unit.

**INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN PERTAMA YANG PERLU DIBACA SEHUBUNGAN DENGAN PROSPEKTUS  
BERTARIKH 9 JULAI 2020**

Melainkan diperuntukkan di sebaliknya dalam Prospektus Tambahan Pertama ini, kesemua terma dalam huruf besar digunakan dalam Prospektus Tambahan Pertama ini akan membawa maksud yang sama sebagaimana diberikan kepadanya dalam Prospektus bertarikh 9 Julai 2020 (“Prospektus”).

**NOTA-NOTA PENJELASAN**

Prospektus Tambahan Pertama ini dikeluarkan untuk memaklumkan pelabur-pelabur mengenai perubahan kepada frekuensi imbangan semula portfolio Dana, lembaga pengarah Pengurus, jawatankuasa pelaburan Dana dan lain-lain kemas kini yang bersifat am.

**A. SINGKATAN / DEFINISI**

**Muka surat ix Prospektus**

Definisi “Surat Ikatan” adalah dengan ini dipotong secara keseluruhannya dan digantikan dengan yang berikut:

“Surat Ikatan : Surat ikatan bertarikh 14 Februari 2020 sebagaimana dipinda oleh surat ikatan tambahan pertama bertarikh 25 Ogos 2021 yang ditandatangani antara Pemegang Amanah dan Pengurus, termasuk apa-apa surat ikatan tambahan kepadanya.”

**B. SINGKATAN / DEFINISI**

**Muka surat xi Prospektus**

Definisi “Prospektus” adalah dengan ini dipotong secara keseluruhannya dan digantikan dengan yang berikut:

“Prospektus : Prospektus ini berhubung dengan Dana bertarikh 9 Julai 2020 dan termasuk apa-apa prospektus tambahan atau gantian, mengikut keadaan.”

**C. JADUAL WAKTU INDIKATIF**

**Muka surat xiii Prospektus**

Maklumat berhubung dengan “JADUAL WAKTU INDIKATIF” adalah dengan ini dipotong secara keseluruhannya.

**D. SEKSYEN 1 - DATA PENTING**

**Muka surat 1 Prospektus**

**Seksyen 1.1 Dana**

Maklumat berhubung dengan “Harga Terbitan” adalah dengan ini dipotong secara keseluruhannya.

**INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN PERTAMA YANG PERLU DIBACA SEHUBUNGAN DENGAN PROSPEKTUS  
BERTARIKH 9 JULAI 2020**

**E. SEKSYEN 1 - DATA PENTING**

**Muka surat 5 Prospektus**

**Seksyen 1.3 Lain-lain Maklumat**

Maklumat berhubung dengan “Lain-lain Maklumat” adalah dengan ini dipotong secara keseluruhannya dan digantikan dengan yang berikut:

“Surat ikatan bertarikh 14 Februari 2020 sebagaimana dipinda oleh surat ikatan tambahan pertama bertarikh 25 Ogos 2021 telah ditandatangani antara Pengurus dan Pemegang Amanah.”

**F. SEKSYEN 2 – FAKTOR-FAKTOR RISIKO**

**Muka surat 8 – 9 Prospektus**

**Seksyen 2.2 Risiko-risiko Khusus Melabur dalam Dana**

Titik bulet kelima dan keenam seksyen ini adalah dengan ini dipotong secara keseluruhannya dan digantikan dengan yang berikut:

➤ **“Risiko Kesilapan Penjejakan**

Mungkin tidak ada Hubung Kait di antara NAV dengan Penanda Aras. Faktor-faktor seperti yuran dan perbelanjaan Dana, Kos Urus Niaga, kecairan pasaran, Hubung Kait pulangan yang tidak sempurna di antara aset Dana dan sekuriti yang membentuk Penanda Aras, penggenapan harga saham, perubahan kepada indeks mendasari dan polisi berperaturan boleh menjejaskan keupayaan Pengurus untuk mencapai Hubung Kait yang hampir dengan Penanda Aras dan untuk membentuk semula pemegangan Dana bagi Sekuriti Indeks dan/atau Sekuriti bukan Indeks sebagai tindak balas kepada perubahan dalam konstituen Penanda Aras. Selanjutnya, Dana mungkin menerima pendapatan (seperti faedah dan dividen) daripada asetnya manakala Penanda Aras tidak mempunyai sumber pendapatan sedemikian. Tiada jaminan atau keyakinan replikasi yang sama atau serupa pada bila-bila masa mengenai prestasi Penanda Aras.

Walaupun Pengurus sentiasa memantau kesilapan penjejakan Dana, tidak ada jaminan bahawa Dana akan mencapai mana-mana tahap kesilapan penjejakan tertentu berbanding dengan prestasi Penanda Arasnya.

➤ **Risiko-risiko Berkaitan dengan Penanda Aras**

Mungkin terdapat perubahan dalam sekuriti konstituen Penanda Aras dari masa ke masa. Contohnya, sekuriti konstituen mungkin dinyahsenaraikan atau sekuriti baharu yang layak boleh ditambah kepada Penanda Aras. Dalam keadaan sedemikian, untuk mencapai objektif pelaburan Dana, Pengurus boleh membentuk semula komposisi Dana. Harga Unit mungkin naik atau turun akibat daripada perubahan ini. Dengan itu, pelaburan dalam Unit biasanya menunjukkan Penanda Aras memandangkannya berubah dari masa ke masa, dan tidak semestinya mengikut cara ia terkandung pada masa pelaburan dalam Unit.

Proses dan asas pengiraan dan penyusunan Penanda Aras dan apa-apa formula berkaitannya, syarikat-syarikat konstituen dan faktor-faktor juga boleh ditukar atau diubah oleh Pemberi Lesen Indeks pada bila-bila masa tanpa notis. Juga tidak ada waranti, representasi atau jaminan diberikan kepada pelabur-pelabur tentang ketepatan atau kecukupan Penanda Aras, pengiraannya atau apa-apa maklumat yang berkaitan dengannya.

Pengurus telah diberi lesen oleh Pemberi Lesen Indeks untuk menggunakan Penanda Aras berkaitan dengan Dana. Pengurus tidak berkemungkinan dapat memenuhi objektif pelaburan jika sekiranya lesen ditamatkan atau sekiranya Dana tidak dapat menggunakan Penanda Aras bagi apa-apa alasan sekalipun. Lesen adalah sah sehingga ditamatkan mengikut syarat-syarat lesen.”

**INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN PERTAMA YANG PERLU DIBACA SEHUBUNGAN DENGAN PROSPEKTUS  
BERTARIKH 9 JULAI 2020**

**G. SEKSYEN 3 – MENGENAI TRADEPLUS MSCI ASIA EX JAPAN REITS TRACKER**

**Muka surat 11 Prospektus**

**Seksyen 3.5 Penanda Aras - Konstituen Penanda Aras**

Perenggan keempat seksyen ini adalah dengan ini dipotong secara keseluruhannya dan diganti dengan yang berikut:

“Jadual ini memperincikan sepuluh (10) konstituen teratas Penanda Aras dan pewajaran masing-masing, setakat 31 Ogos 2021:-

No.	Nama Syarikat	Wajaran (%)
1	Frasers Logistics & Commercial Trust	10.55%
2	Mapletree Industrial Trust	10.49%
3	Mapletree Logistics Trust	10.20%
4	Cromwell European Real Estate Investment	9.73%
5	Mapletree Commercial Trust	9.70%
6	Link REIT	9.65%
7	Keppel Pacific Oak US REIT	7.84%
8	Keppel DC REIT	7.11%
9	Prime US REIT	4.95%
10	Parkway Life Real Estate Investment Trust	3.97%

*Sumber: MSCI Limited*

Nota: Wajaran konstituen berubah mengikut harga pasarannya, dengan itu boleh melebihi perwajaran maksimumnya sebanyak 10% dalam tempoh di antara tarikh pembentukan semula Penanda Aras.”

**H. SEKSYEN 3 – MENGENAI TRADEPLUS MSCI ASIA EX JAPAN REITS TRACKER**

**Muka surat 12 Prospektus**

**Seksyen 3.5 Penanda Aras – Kajian dan Mengimbangi Semula Penanda Aras**

Maklumat mengenai seksyen ini adalah dengan ini dipotong secara keseluruhannya dan diganti dengan yang berikut:

**“Kajian dan Pembentukan Semula Penanda Aras**

Penyelenggaraan penanda aras boleh diterangkan seperti berikut:

- Pembentukan semula separuh tahunan  
Pemberi Lesen Indeks melakukan pembentukan semula separuh tahunan untuk berkuat kuasa pada hari perniagaan pertama bulan Jun dan Disember. Apa-apa perubahan akan diumumkan dengan notis terlebih dahulu sewajarnya, di mana mungkin.
- Perubahan kepada komposisi Penanda Aras, pelarasan wajaran dan pemotongan  
Untuk mengakaunkan bagi peristiwa korporat seperti penggabungan, pengambilan alih, pengambilalihan, penyahsenaraian atau kebangkrapan, komposisi Penanda Aras dan wajaran berkaitannya boleh diselaraskan atau dikeluarkan sama sekali daripada Penanda Aras di antara tarikh-tarikh pembentukan semula. Apa-apa perubahan akan diumumkan dengan notis terlebih dahulu sewajarnya, di mana mungkin.”

**INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN PERTAMA YANG PERLU DIBACA SEHUBUNGAN DENGAN PROSPEKTUS  
BERTARIKH 9 JULAI 2020**

**I. SEKSYEN 3 - MENGENAI TRADEPLUS MSCI ASIA EX JAPAN REITS TRACKER**

**Muka surat 13 Prospektus**

**Seksyen 3.6 Kesilapan Penjejakan & Strategi untuk Meminimumkan Kesilapan Penjejakan Sedemikian**

Perenggan ketiga seksyen ini adalah dengan ini dipotong secara keseluruhan dan digantikan dengan yang berikut:

“Untuk meminimumkan kesilapan penjejakan, Pengurus akan mengawasi dengan teliti prestasi Dana, Hubung Kaitnya dengan portfolio Penanda Aras dan Dana dengan konstituen Penanda Aras dan akan membuat pelarasan kepada pembentukan semula portfolio Dana apabila perlu.”

**J. SEKSYEN 3 - MENGENAI TRADEPLUS MSCI ASIA EX JAPAN REITS TRACKER**

**Muka surat 13 Prospektus**

**Seksyen 3.7 Strategi & Teknik Pengurusan Risiko**

Maklumat dalam seksyen ini adalah dengan ini dipotong secara keseluruhannya dan digantikan dengan yang berikut:

“Strategi dan teknik pengurusan risiko yang digunakan oleh Pengurus termasuk penggunaan strategi replikasi penuh atau strategi pensampelan perwakilan, serta membentuk semula portfolio Dana apabila diperlukan, untuk mencapai objektif pelaburan Dana dan untuk meminimumkan kesilapan penjejakan.”

**K. SEKSYEN 3 – MENGENAI TRADEPLUS MSCI ASIA EX JAPAN REITS TRACKER**

**Muka surat 13 Prospektus**

**Seksyen 3.8 Polisi mengenai Mengimbangi Semula Portfolio Pelaburan**

Maklumat dalam seksyen ini adalah dengan ini dipotong secara keseluruhannya dan digantikan dengan yang berikut:

**“Polisi mengenai Pembentukan Semula Portfolio Pelaburan**

Pembentukan semula portfolio Dana boleh dilaksanakan apabila terdapat pembentukan dan/atau penebusan Unit-unit atau apabila Pengurus percaya bahawa terdapat keperluan untuk membetulkan penyimpangan dalam kesilapan penjejakan.”

**L. SEKSYEN 3 – MENGENAI TRADEPLUS MSCI ASIA EX JAPAN REITS TRACKER**

**Muka surat 16 Prospektus**

**Seksyen 3.10 Pemberian Pinjaman & Peminjaman Sekuriti – Pengurusan Risiko**

Maklumat di bawah perkara iv) mengenai “Risiko percanggahan kepentingan daripada pemberian pinjaman sekuriti” adalah dengan ini dipotong dan digantikan dengan yang berikut:

“Risiko ini mungkin timbul daripada Pengurus yang melabur dalam sekuriti bagi Dana dengan hasrat memberi pinjaman sekuriti untuk menambah hasil Dana. Risiko ini dikurangkan memandangkan Dana menetapkan dalam strategi pelaburannya bahawa ia akan hanya melabur dalam sekuriti untuk mereplika sekuriti komponen Penanda Aras, dan untuk mereplika seboleh yang mungkin wajaran Penanda Aras. Tambahan pula, sebagai ETF, sekuriti Dana tidak didagangkan secara aktif, dan akan dikekalkan dalam portfolio sepanjang tempoh sederhana hingga lebih panjang, atau sehingga langkah pembentukan semula berikutnya bagi Penanda Aras oleh Pemberi Lesen Indeks.”

**INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN PERTAMA YANG PERLU DIBACA SEHUBUNGAN DENGAN PROSPEKTUS  
BERTARIKH 9 JULAI 2020**

**M. SEKSYEN 3 – MENGENAI TRADEPLUS MSCI ASIA EX JAPAN REITS TRACKER**

**Muka surat 17 Prospektus**

**Seksyen 3.12 Penilaian Aset Dana**

Maklumat mengenai “Instrumen Pasaran Wang” adalah dengan ini dipotong sepenuhnya dan digantikan dengan yang berikut:

“Penilaian instrumen pasaran wang didenominasikan MYR akan dilakukan menggunakan harga yang disebut harga oleh Agensi Harga Bon yang berdaftar dengan SC. Bagi instrumen pasaran wang asing, penilaian akan dilakukan menggunakan kadar hasil indikatif disebut harga oleh institusi bebas dan bereputasi baik.”

**N. SEKSYEN 3 – MENGENAI TRADEPLUS MSCI ASIA EX JAPAN REITS TRACKER**

**Muka surat 17 Prospektus**

**Seksyen 3.14 Penyenaraian Dana**

Perenggan kedua seksyen ini adalah dengan ini dipotong secara keseluruhannya.

**O. SEKSYEN 5 – MAKLUMAT URUS NIAGA**

**Muka surat 22 Prospektus**

**Seksyen 5.1 Permohonan bagi Pembelian dan Jualan Unit-unit**

Seksyen 5.1.1 – Sebelum Penyenaraian adalah dengan ini dipotong secara keseluruhannya.

**P. SEKSYEN 5 – MAKLUMAT URUS NIAGA**

**Muka surat 30 - 31 Prospektus**

**Seksyen 5.6 Peruntukan bagi Penggantungan pengiraan NAV dan urus niaga dalam Unit-unit Dana**

Perenggan pertama seksyen ini adalah dengan ini dipotong secara keseluruhannya dan diganti dengan yang berikut:

“Pengiraan NAV Dana dan urus niaga dalam Unit-unit iaitu Permohonan Pembentukan dan Permohonan Penebusan boleh digantung dan Pengurus, selepas berunding dengan Pemegang Amanah, tidak akan berada di bawah obligasi untuk membentuk semula atau menyelaras Aset Dana dalam tempoh-tempoh berikut:

- (a) mana-mana tempoh apabila mana-mana Bursa Berkenaan ditutup;
- (b) mana-mana tempoh apabila urus niaga Unit-unit pada Bursa Securities adalah disekat atau digantung atas arahan yang dikeluarkan oleh SC atau Bursa Securities;
- (c) mana-mana tempoh apabila urus niaga Sekuriti Dibenarkan pada Bursa Berkenaan, atau di mana penyenaraian utama Sekuriti Dibenarkan adalah disekat atau digantung;

**INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN PERTAMA YANG PERLU DIBACA SEHUBUNGAN DENGAN PROSPEKTUS  
BERTARIKH 9 JULAI 2020**

- (d) mana-mana tempoh apabila penyelesaian atau penjelasan Sekuriti Dibenarkan dalam depositori penjelasan dan penyelesaian yang berkenaan terganggu;
- (e) mana-mana tempoh apabila berlaku peristiwa gangguan pasaran atau peristiwa gangguan penyelesaian dalam mana-mana Bursa Berkenaan;
- (f) kewujudan apa-apa keadaan akibat daripada yang mana penyerahan Sekuriti Dibenarkan terangkum dalam *In-Kind Creation Basket* atau *In-Kind Redemption Basket* atau pembelian atau pelupusan Sekuriti yang Dibenarkan buat masa ini terkandung dalam Aset Dana tidak boleh, pada pendapat Pengurus dan Pemegang Amanah, dilaksanakan secara biasa atau tanpa menjejaskan kepentingan Pemegang-pemegang Unit;
- (g) mana-mana tempoh apabila, pada pendapat Pengurus dan Pemegang Amanah, dana-dana tidak boleh biasanya dibayar daripada Aset Dana tanpa menjejaskan kepentingan Pemegang-pemegang Unit;
- (h) mana-mana tempoh apabila Penanda Aras tidak disusun atau disiarkan;
- (i) apa-apa gangguan dalam cara yang biasa digunakan dalam menentukan NAV Dana atau NAV setiap Unit atau liabiliti atau apabila bagi apa-apa alasan lain nilai mana-mana pelaburan yang dibenarkan buat masa ini terkandung dalam Aset Dana atau liabiliti tidak boleh dipastikan dengan segera dan tepat;
- (j) kewujudan mana-mana keadaan yang pada pendapat Pengurus dan Pemegang Amanah, mungkin menjejaskan secara serius kepentingan Pemegang-pemegang Unit secara keseluruhan atau Aset Dana;
- (k) mana-mana tempoh empat puluh lapan (48) jam (atau tempoh yang lebih panjang sebagaimana Pengurus dan Pemegang Amanah mungkin bersetuju) sebelum tarikh mana-mana mesyuarat Pemegang-pemegang Unit (atau mana-mana mesyuarat penangguhannya);
- (l) mana-mana tempoh apabila operasi Pengurus dan/atau Pemegang Amanah terhenti dan/atau digantung mengikut arahan SC; atau
- (m) mana-mana tempoh apabila operasi perniagaan Pengurus atau Pemegang Amanah berhubung dengan operasi Dana terganggu dengan teruk atau ditutup akibat daripada atau timbul daripada peristiwa *force majeure*."

**Q. SEKSYEN 7 – MENGENAI PENGURUS**

**Muka surat 41 – 43 Prospektus**

**Seksyen 7.2 Lembaga Pengarah**

Maklumat dalam seksyen ini dengan ini dipotong secara keseluruhannya dan diganti dengan yang berikut:

"Lembaga pengarah bertanggungjawab bagi keseluruhan pengurusan Pengurus dan dananya. Lembaga bukan sahaja memastikan tadbir urus korporat diamalkan tetapi polisi dan garis panduan juga dipatuhi. Lembaga akan bermesyuarat sekurang-kurangnya empat (4) kali setiap tahun, atau lebih sekiranya timbul keperluan.



**INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN PERTAMA YANG PERLU DIBACA SEHUBUNGAN DENGAN PROSPEKTUS  
BERTARIKH 9 JULAI 2020**

**Ahli-ahli Lembaga Pengarah: -**

**Raja Tan Sri Dato' Seri Aman bin Raja Haji Ahmad (Pengerusi, Pengarah Bukan Bebas)**

*Berusia 76 tahun*

Raja Tan Sri Dato' Seri Aman adalah ahli Felo Institut Akauntan Bertauliah di England dan Wales dan juga ahli Institut Akauntan Malaysia dan Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia. Beliau telah memegang pelbagai jawatan dalam Kumpulan Maybank dari 1974 hingga 1985 sebelum menyertai Affin Bank Berhad (dahulunya dikenali sebagai Perwira Habib Bank Malaysia Berhad) pada 1985 sebagai Pengarah Eksekutif. Beliau meninggalkan Affin Bank Berhad pada 1992 untuk menyertai Perbadanan Usahawan Nasional Berhad sebagai Ketua Pegawai Eksekutif. Beliau telah dilantik semula sebagai Ketua Pegawai Eksekutif Affin Bank Berhad pada 1995 dan bersara pada 2003. Beliau juga pernah berkhidmat sebagai ahli Polisi Kumpulan Kerja Kerajaan Malaysia bagi Pasukan Petugas Khas untuk Memudahcara Perniagaan bagi tempoh 10 tahun dari 2007 hingga 2017. Raja Tan Sri Dato' Seri Aman telah dilantik ke Lembaga sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bukan Bebas dan Pengerusi AHAM pada 19 Februari 2019. Raja Tan Sri Dato' Seri Aman juga merupakan Pengerusi Ahmad Zaki Resources Berhad dan beliau menganggotai Lembaga Tomei Consolidated Berhad dan Affin Hwang Investment Bank Berhad. Raja Tan Sri Dato' Seri Aman pernah berkhidmat sebagai ahli Panel Pelaburan Dana Pencen Negara dan beliau pada masa ini merupakan Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan Lembaga Tabung Angkatan.

**Dato' Teng Chee Wai (Pengarah Bukan Bebas)**

*Berusia 55 tahun*

Dato' Teng adalah pengasas Pengurus. Dalam keupayaan beliau sebagai pengarah urusan dan pengarah eksekutif Pengurus, Dato' Teng mengurus keseluruhan perniagaan dan hala tuju strategik serta pengurusan pasukan pelaburan. Pendekatan beliau mengguna pengalaman menyaksikan beliau secara aktif terlibat dalam pelaburan, pembangunan dan pemasaran produk. Kepimpinan kritikal Dato' Teng dan penyertaan kerap dalam mengkaji dan menilai strategi dan prestasi telah menjadi penting dalam membolehkan Pengurus berjaya mengharungi dekad ekonomi bergolakan. Pengalaman pengurusan pelaburan Dato' Teng menjangkau lebih daripada 26 tahun, dan bidang utama kepakaran beliau adalah dalam menguruskan mandat pulangan mutlak bagi aset insurans dan dana berkaitan pelaburan di kedua-dua Singapura dan Malaysia. Selain itu, Dato' Teng juga merupakan Pengerusi Bintang Capital Partners Berhad, anak syarikat ekuiti persendirian AHAM. Sebelum pelantikan semasa beliau, beliau adalah penolong pengurus besar (pelaburan) Overseas Assurance Corporation (OAC) dan bertanggungjawab terhadap fungsi pelaburan Group Overseas Assurance Corporation Ltd. Dato' Teng memulakan kerjaya beliau dalam industri kewangan sebagai pengurus pelaburan dengan NTUC Income, Singapura. Beliau tamat pengajian dalam ijazah Sarjana Muda Sains daripada National University of Singapore dan Diploma Lulusan Ijazah dalam Pengajian Aktuari daripada City University di London.

**Cik Eleanor Seet Oon Hui (Pengarah Bukan Bebas)**

*Berusia 46 tahun*

Cik Eleanor menyertai Nikko Asset Management Asia Limited ("Nikko AM Asia") pada 2011 sebagai Presiden dan sebagai pengarah eksekutif Nikko AM Asia. Beliau juga merupakan Ketua Asia selain Jepun di Nikko AM Asia dan bertanggungjawab untuk memacu pertumbuhan Nikko AM Asia di rantau ini. Di samping itu, beliau mengetuai pengurusan hubungan usaha sama kumpulan Nikko Asset Management di China dan Malaysia. Cik Eleanor adalah perintis dalam industri pengurusan aset dengan lebih 20 tahun pengalaman. Sebelum menyertai Nikko AM Asia, Cik Eleanor mengetuai usaha pengedaran bagi iShares, menumpukan pada segmen pengurusan kekayaan di seluruh Asia kecuali Jepun. Sebelum itu, beliau menghabiskan 12 tahun di AllianceBernstein, di mana beliau bertanggungjawab untuk membina dan membangunkan saluran dan perniagaan pengedaran firma. Dalam keupayaan tersebut, beliau bertanggungjawab bagi strategi keseluruhan dan pelaksanaan penawaran produk firma di Asia Tenggara melalui perantaraan. Cik Eleanor tamat pengajian dengan ijazah Sarjana Muda Ekonomi daripada University of New South Wales, Sydney. Pada 2017, beliau telah dikurniakan kecemerlangan IBF Fellow oleh Institut Perbankan dan Kewangan Singapura.

**INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN PERTAMA YANG PERLU DIBACA SEHUBUNGAN DENGAN PROSPEKTUS  
BERTARIKH 9 JULAI 2020**

**Puan Mona Suraya binti Kamaruddin (Pengarah Bukan Bebas)**

*Berusia 55 tahun*

Puan Mona adalah Ketua Pegawai Eksekutif Affin Hwang IB di mana beliau bertanggungjawab mengetuai gabungan perniagaan perbankan pelaburan, sekuriti dan pengurusan aset. Beliau menyertai Affin Hwang IB pada 29 September 2020. Puan Mona membawa bersamanya pengalaman 29 tahun dalam pasaran modal, mengkhusus dalam ekuiti Malaysia, yang merangkumi hampir 9 tahun dalam Penyelidikan Ekuiti dan 20 tahun dalam jualan ekuiti. Sebelum menyertai Affin Hwang IB, Puan Mona adalah Ketua Negara dan Pengarah Urusan di Nomura Securities Malaysia ("Nomura"). Puan Mona dan pasukan beliau di Nomura memainkan peranan penting dalam penubuhan dan pembangunan francais ekuiti Malaysia firma dari bawah sepanjang sejak 11 tahun yang lepas. Sebelum menyertai Nomura, beliau adalah Naib Presiden Jualan Institusi di JPMorgan Securities Malaysia. Puan Mona memulakan kerjaya beliau dalam pasaran modal pada 1991 sebagai juruanalisis pelaburan di pelbagai institusi kewangan termasuk Arab Malaysian Securities, Standard Chartered Securities Malaysia dan Crosby Securities Malaysia. Beliau juga berkhidmat sebagai Ketua Penyelidikan di MGI Securities Malaysia. Puan Mona memegang ijazah BSc (Econs) dalam Perakaunan daripada University College of Wales, Aberystwyth.

**Mejar Jeneral Dato' Zulkiflee bin Mazlan (B) (Pengarah Bebas)**

*Berusia 67 tahun*

Mejar Jeneral Dato' Zulkiflee memperoleh LLB (Hons) daripada Institut Teknologi Mara pada 1989. Beliau menjalani latihan pegawai kadet beliau di Akademi Tentera Diraja, Sandhurst, Royal Military Academy, Sandhurst, United Kingdom pada Januari 1973. Beliau telah ditauliahkan sebagai leftenan muda dalam Rejimen Semboyan Diraja pada 20 Disember 1974. Beliau memulakan kerjaya beliau dalam Tentera Darat Malaysia sebagai Komander Askar di Rejimen Semboyan Diraja 2. Mejar Jeneral Dato' Zulkiflee memegang pelbagai jawatan ketua dan turus pada pembentukan dan Kementerian Pertahanan. Beliau telah berkhidmat sebagai Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Veteran ("Jabatan Hal Ehwal Veteran") dari Disember 2007 hingga Ogos 2013. Sebelum beliau dilantik sebagai Mejar Jeneral dan dilantik sebagai Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Veteran pada Disember 2007, beliau adalah Ketua Pegawai Semboyan, Ibu Pejabat Tentera Darat yang berpangkat Brigadier Jeneral, bermula Disember 2004. Mejar Jeneral Dato' Zulkiflee adalah Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Bekas Perajurit Angkatan Tentera Malaysia dari 2008 hingga 2014. Beliau juga berkhidmat sebagai ahli Lembaga di Perbadanan Hal Ehwal Bekas Tentera (PERHEBAT). Mejar Jeneral Dato' Zulkiflee telah dilantik ke Lembaga sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bebas AHAM pada 1 September 2019. Beliau adalah Pengerusi Jawatankuasa Pematuhan & Pengurusan Risiko Lembaga serta Ahli Jawatankuasa Audit Lembaga. Beliau sebelum ini berkhidmat sebagai Pengerusi AHIB dan Affin Hwang Trustee Berhad.

**Encik Faizal Sham bin Abu Mansor (Pengarah Bebas)**

*Berusia 51 tahun*

Faizal Sham bin Abu Mansor telah mengumpul pengalaman yang luas sebelum pelantikan beliau sebagai Pengarah di AHAM pada 5 Julai 2019. Beliau adalah Pengerusi Jawatankuasa Audit Lembaga serta Ahli Jawatankuasa Pematuhan & Pengurusan Risiko Lembaga. Tahun-tahun awal beliau dalam perkhidmatan kewangan adalah dalam sektor perbendaharaan, kewangan korporat dan perbankan pelaburan sebelum berpindah ke sektor korporat dalam pengilangan, pembinaan, penerbangan dan yang paling terkini dalam media dan hiburan. Sebagai Akauntan Bertauliah, kepakaran beliau terletak dalam menilai pelaburan serta penyusunan semula strategik, operasi dan kewangan. Beliau telah beberapa kali diiktiraf sebagai Ketua Pegawai Kewangan Terbaik di Malaysia oleh institusi tempatan dan antarabangsa. Beliau memulakan kerjaya beliau dengan SC sebelum mendapat pengalaman dalam industri perkhidmatan kewangan sepanjang memegang jawatan di Bank of Tokyo-Mitsubishi (M) Berhad, dan Arab-Malaysian Merchant Bank Berhad yang sekarang dikenali sebagai AmlInvestment Bank Berhad. Beliau meninggalkan Malaysia pada 1998 untuk bekerja di Australia bagi Polyaire Holdings Pty Ltd, pengilang dan pengedar komponen penyaman udara sebelum kembali untuk menyertai semula AmlInvestment Bank Berhad pada 2003 di mana beliau memberi khidmat nasihat kewangan kepada beberapa syarikat korporat terbesar dalam negara. Beliau kemudiannya berpindah untuk menjadi Ketua Pegawai Kewangan WWE Holdings Berhad dan kemudiannya memantapkan kerjaya beliau di Malaysia Airports Holdings Berhad di mana beliau telah membantu menyusun semula syarikat, memacu prestasi kewangannya dan meningkatkan profilnya dengan komuniti pelabur dan pengembangan perniagaan antarabangsa. Sebelum pelantikan beliau sebagai Pengarah di sini, Faizal adalah Ketua Pegawai Eksekutif Astro Productions, dan Ketua Astro Awani dalam Astro Malaysia Holdings Berhad. Faizal juga berkhidmat sebagai Pengarah Kanan, Kewangan & Pemerolehan di MARA Corporation Sdn Bhd, sebuah syarikat pemegang pelaburan Majlis Amanah Rakyat. Faizal tamat pengajian dengan ijazah Sarjana Muda Sains dalam Perakaunan daripada Rutgers University, New Jersey, USA. Beliau kemudiannya melanjutkan pengajian untuk mendapatkan ijazah Sarjana dalam Pentadbiran Perniagaan daripada Ohio University, Athens, USA. Faizal juga mempunyai Diploma dalam Pengajian Penerbangan daripada International Air Transport Association. Beliau adalah ahli Felo Chartered Accountants Australia & New Zealand dan bekas Ahli Institut Akauntan Malaysia."

**INI ADALAH PROSEKTUS TAMBAHAN PERTAMA YANG PERLU DIBACA SEHUBUNGAN DENGAN PROSEKTUS  
BERTARIKH 9 JULAI 2020**

**R. SEKSYEN 7 – MENGENAI PENGURUS**

**Muka surat 43 Prospektus**

**Seksyen 7.3 Personel Penting & Pengurus Dana yang Dilantik**

Titik bulet pertama “Personel Penting” adalah dengan ini dipotong secara keseluruhannya dan diganti dengan yang berikut:

- **“Dato’ Teng Chee Wai (Pengarah Urusan)**  
(Sila rujuk kepada yang di atas)”

**S. SEKSYEN 7 – MENGENAI PENGURUS**

**Muka surat 44 – 45 Prospektus**

**Seksyen 7.4 Jawatankuasa Pelaburan**

i. Perenggan ketiga seksyen ini adalah dengan ini dipotong secara keseluruhannya dan diganti dengan yang berikut:

“Ahli-ahli jawatankuasa pelaburan Dana adalah seperti berikut:

<b>Jawatankuasa Pelaburan</b>	<b>Jawatan</b>
Dato’ V. Danapalan	Pengerusi, Ahli Bebas
Dato’ Muhamad Ayob bin Abu Hassan	Ahli Bebas
En. Mohammad Aminullah bin Basir	Ahli Bebas
Mr. Phuah Eng Chye	Ahli Bebas”

ii. Titik bulet kedua dan ketiga di bawah perenggan kelima seksyen ini adalah dengan ini dipotong secara keseluruhannya dan diganti dengan yang berikut:

- **“Dato’ Muhamad Ayob bin Abu Hassan (Ahli Bebas)**

Dato’ Mohamad pada masa ini merupakan Pengarah Bukan Eksekutif Bebas AIIIMAN Asset Management Sdn. Bhd., cabang patuh Syariah AHAM sejak 2018. Sebelum pelantikan semasa beliau, Dato’ Ayob adalah penasihat kepada AHAM dari Januari 2016 hingga Disember 2019. Beliau bertanggungjawab dalam menubuhkan hubungan kerja dan rangkaian yang bermanfaat dengan pihak berkuasa berperaturan, badan berkanun dan sekutu industri. Dato’ Ayob adalah Wakil Perkhidmatan Pasaran Modal berlesen yang merupakan veteran dalam industri selama lebih daripada 39 tahun di mana beliau memegang jawatan kanan di institusi kewangan iaitu Affin Fund Management Berhad, Affin Merchant Bank Berhad dan Malayan Banking Berhad. Beliau merupakan pengarah dipilih dan ahli jawatankuasa Persekutuan Pengurus-pengurus Pelaburan Malaysia selama 9 tahun berturut-turut. Beliau mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang mendalam dalam pengurusan perbendaharaan dan perbankan pelaburan, mengkhusus dalam bidang pemulihan korporat dan pasaran modal hutang. Dato’ Ayob memegang Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan (Kewangan) daripada University of Hull, United Kingdom dan Ijazah Sarjana Muda dalam Ekonomi (Kepujian) daripada Universiti Malaya.”

**INI ADALAH PROSPEKTUS TAMBAHAN PERTAMA YANG PERLU DIBACA SEHUBUNGAN DENGAN PROSPEKTUS  
BERTARIKH 9 JULAI 2020**

**T. SEKSYEN 8 – MENGENAI PEMEGANG AMANAH**

**Muka surat 47 Prospektus**

**Seksyen 8.1 Maklumat Korporat – Latar Belakang dan Pengalaman**

Perenggan pertama seksyen ini adalah dengan ini dipotong secara keseluruhannya dan diganti dengan yang berikut:

“TMF Trustees Malaysia Berhad telah diperbadankan di Malaysia pada 1 April 2003 dan didaftarkan sebagai syarikat amanah di bawah Akta Syarikat Amanah 1949 pada 9 Oktober 2003. Pejabat berdaftar dan alamat perniagaannya adalah di Tingkat 10, Menara Hap Seng, No. 1 dan 3, Jalan P. Ramlee, 50250 Kuala Lumpur, Malaysia. Pemegang amanah adalah sebahagian daripada Kumpulan TMF, penyedia perkhidmatan global bebas dalam sektor amanah dan fidusiari. Kumpulan mempunyai 125 pejabat di lebih daripada 83 bidang kuasa di dunia. Kumpulan TMF bermula di Malaysia pada 1992 dengan pejabat pertamanya di Pusat Kewangan Perniagaan Antarabangsa Labuan (IBFC), menyediakan perkhidmatan amanah dan fidusiari. Pejabat Kuala Lumpur telah ditubuhkan pada 2003 untuk menyokong pejabat Labuan dalam memberikan perkhidmatan kepada klien Malaysia dan untuk menjalankan perniagaan amanah domestik.”

**U. SEKSYEN 10 – URUS NIAGA PIHAK BERKAITAN**

**Muka surat 51 Prospektus**

**Seksyen 10.4 Butir-butir mengenai Pengarah Kepentingan Langsung dan Tidak Langsung Pengurus dalam Perbadanan Lain yang Menjalankan Perniagaan yang Serupa**

Maklumat dalam seksyen ini adalah dengan ini dipotong secara keseluruhannya dan diganti dengan yang berikut:

“Kecuali sebagaimana dinyatakan di bawah, pada 31 Ogos 2021, para pengarah Pengurus tidak mempunyai sebarang kepentingan langsung dan tidak langsung dalam syarikat lain yang menjalankan perniagaan yang serupa:

<b>Nama Pengarah</b>	<b>Nama Syarikat atau Perniagaan</b>	<b>Sifat Kepentingan dalam Pemegangan Saham (Langsung/Tidak Langsung)</b>	<b>Sifat Kepentingan dalam Jawatan Pengarah</b>
Dato' Teng Chee Wai	AIIMAN Asset Management Sdn. Bhd. (“AIIMAN”) AIIMAN adalah dimiliki sepenuhnya oleh Pengurus	Kepentingan tidak langsung	Pengarah Bukan Bebas
Puan Mona Suraya binti Kamaruddin	AIIMAN	-	Pengarah Bukan Bebas”